

25/12/1999

Mohd Shahlan dilantik Speaker baru

SEREMBAN, Jumaat - Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Labu, Mohd Shahlan Shaid, 49, dipilih sebagai Speaker Dewan Undangan Negeri baru menggantikan bekas Adun Rantau, Datuk Hamdan Mohamed.

Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad (Umno-Linggi) mencadangkan pelantikan Mohd Shahlan dan disokong ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco), Datuk Dr Yeow Chai Thiam (MCA-Lukut).

Mohd Shahlan yang bertanding kali kedua dalam pilihan raya umum lalu dipilih sebulat suara sebelum upacara mengangkat sumpah Adun di Dewan Undangan Negeri di sini, hari ini.

Selepas pelantikan Speaker, 31 Adun lain didahului Mohd Isa juga mengangkat sumpah dewan.

Turut hadir ialah Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Mohd Ali Abdul Samad; Pegawai Kewangan Negeri, Datuk Mohd Nor Said dan Penasihat Undang-Undang Negeri, Datuk Mary Lim Thiam Suan serta pegawai kanan jabatan kerajaan.

Dalam ucapan sulungnya, Mohd Shahlan meminta semua Adun bekerjasama menjayakan sidang DUN untuk kebaikan rakyat yang mereka wakili.

"Adun bukan saja perlu mengambil bahagian secara aktif dalam perbahasan, tetapi mengemukakan idea bernas bagi menjadikan perbahasan berkualiti," katanya.

Beliau juga meminta ketua jabatan menghadiri sidang DUN supaya soalan oleh Adun yang berkaitan jabatan berkenaan dapat dijawab tanpa menimbulkan banyak masalah.

Sementara itu, Mohd Isa ketika ditemui selepas upacara itu yakin sidang DUN akan berjalan lancar terutama daripada segi kehadiran Adun.

"Berbeza dengan sidang Parlimen yang mengambil masa kira-kira sebulan, kita di negeri hanya mengambil masa dua atau tiga hari. Paling lama ketika pembentangan belanjawan, iaitu empat atau lima hari.

"Dalam sidang DUN lalu pun, kehadiran Adun memuaskan," katanya mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bahawa Barisan Nasional (BN) akan mengambil tindakan terhadap ahli Parlimen yang tidak menghadiri sidang Dewan Rakyat.

Mengulas kemungkinan ketiadaan wakil pembangkang menyebabkan Adun bersikap ambil mudah, katanya, setiap Adun akan berfungsi mewujudkan keseimbangan ketika bersidang.

(END)